



## **GARIS PANDUAN BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH BAGI STAF UKM YANG MENINGGAL DUNIA**

---

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini adalah bertujuan memaklumkan kepada semua Pusat bertanggungjawab (PTj) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenai Bantuan Khairat Kematian dan Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi Staf UKM yang meninggal dunia.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan pengurusan khairat kematian dan bayaran pengangkutan jenazah bagi staf Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 2.2 Garis Panduan ini juga merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 6.4 Bantuan Pengurusan Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah Pegawai Perkhidmatan Awam

### **3.0 TAFSIRAN**

Tafsiran melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam pekeliling ini tafsiran di bawah adalah diikuti:

- i) “**Bantuan Khairat Kematian**” bermaksud bantuan kewangan yang diberikan kepada waris pegawai atau pihak yang mengurus jenazah pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan untuk apa-apa yang tujuan yang berkaitan pengurusan jenazah pegawai;
- ii) “**Bayaran Pengangkutan Jenazah**” bermaksud bayaran untuk membawa jenazah dari tempat kematian di dalam negara ke tempat pengebumian atau tempat penyempurnaan mayat di dalam negara
- iii) “**Ketua Jabatan**” bermaksud ; pegawai yang terkanan yang mengetuai sesuatu pejabat.

- iv) “**Pegawai**” bermaksud semua kategori pegawai yang dilantik oleh suruhanjaya secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*)
- v) “**anak-anak**” bermaksud anak kepada pegawai yang meninggal dunia termasuk anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang Malaysia;
- vi) “**Waris Pegawai**” bermaksud:
  - a. Isteri dan anak-anak bagi Pegawai lelaki yang telah berkahwin;
  - b. Suami dan anak-anak bagi Pegawai Wanita yang telah berkahwin; atau
  - c. Ibu bapa bagi pegawai bujang.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan layak diberi Bantuan Khairat Kematian dan Bayaran Pengangkutan Jenazah.

#### **5.0 KADAR DAN PERATURAN PEMBAYARAN**

##### **5.1 Bantuan Khairat Kematian**

- 5.1.1 Kadar Bantuan mengurus jenazah adalah sebanyak RM5,000.00 dan dibayar sekali sahaja secara sekaligus secara tunai melalui wang panjar;
- 5.1.2 Ketua Jabatan perlulah mendapatkan pengesahan kematian dan mengisi borang seperti di **Lampiran A** untuk kelulusan **Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar/Jabatan Sumber Manusia, JSM-HCTM /Ketua Jabatan Pentadbiran Am HPKK** sebelum bayaran boleh dibuat kepada waris pegawai;
- 5.1.3 Bantuan hendaklah dibayar kepada:
  - a. Waris pegawai; atau
  - b. Pihak yang terlibat secara langsung mengurus jenazah bagi pegawai yang tidak mempunyai waris

## 5.2 Bantuan Pengangkutan Jenazah

- 5.2.1 Bayaran Pengangkutan Jenazah akan dibayar berdasarkan perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit sah. Bayaran akan dibuat secara pindahan kepada bank waris;
- 5.2.2 Tuntutan hendaklah dikemukakan oleh waris pegawai atau pihak yang menerima bantuan mengurus jenazah dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran B** tidak melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh kematian pegawai seperti berikut:

### **Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan**

Jabatan Pendaftar

Aras 5, Bangunan Canselori, UKM Bangi

Emel: [kbpk@ukm.edu.my](mailto:kbpk@ukm.edu.my) / [diyanajamaluddin@ukm.edu.my](mailto:diyanajamaluddin@ukm.edu.my)

No tel: 03-8921 5075 / 4529

### **Ketua Unit Pentadbiran Dalaman**

Jabatan Sumber Manusia

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

Emel: [kjsm@ppukm.ukm.edu.my](mailto:kjsm@ppukm.ukm.edu.my) / [rahizah@ppukm.ukm.edu.my](mailto:rahizah@ppukm.ukm.edu.my)

No tel: 03-9145 5151 / 6126

### **Ketua Jabatan Pentadbiran Am**

Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani

Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM

Emel: [pentadbiranamhpkk@ppukm.ukm.edu.my](mailto:pentadbiranamhpkk@ppukm.ukm.edu.my)

No Tel: 03-9175 8014 / 8647

- 5.2.3 Sekiranya kemudahan pengangkutan jenazah disediakan oleh jabatan atau ditanggung oleh pihak lain, Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi perjalanan tersebut tidak lagi boleh dituntut;
- 5.2.4 Bayaran Pengangkutan Jenazah dari luar negara ke Malaysia tidak layak dituntut bagi pegawai yang meninggal dunia di luar negara semasa urusan persendirian;
- 5.2.5 Bayaran Pengangkutan Jenazah yang ditetapkan dalam Pekeliling ini adalah terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat dan meninggal dunia di dalam Malaysia sahaja.

## 6.0 TANGGUNGJAWAB

6.1 **Ketua Jabatan** adalah bertanggungjawab memastikan supaya:

- 6.1.1. Memastikan maklumat/dokumen (Lampiran A atau Lampiran B) adalah lengkap dan teratur sebelum diserahkan ke Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar; Jabatan Sumber Manusia, HCTM, dan Jabatan Pentadbiran Am HPKK;
- 6.1.2 Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar, Jabatan Sumber Manusia HCTM dan Jabatan Pentadbiran Am HPKK adalah bertanggungjawab memastikan:
  - a. Bantuan Khairat Kematian dan tuntutan Bayaran Pengangkutan Jenazah ini hendaklah dibayar dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh kematian pegawai;
  - b. Kadar tuntutan Bayaran Pengangkutan Jenazah adalah munasabah;
  - c. Membuat pembayaran tersebut dengan segera;
  - d. Rekod-rekod mengenai pembayaran disimpan dengan teratur; dan
  - e. Maklumat mengenai Bantuan Mengurus Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah ini dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai. Salinan Sijil Kematian yang diakui sah serta rekod pembayaran hendaklah dikepulkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.

## 7.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 19 Mac 2024

### Disediakan oleh:

Bahagian Pentadbiran & Kemudahan  
Jabatan Pendaftar

Tarikh: 4 Mac 2024